

BAB V

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

BAB KELIMA

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

5.0 PENDAHULUAN

Kajian ini melibatkan 277 orang murid dan 25 orang guru al-Qur'an daripada 3 buah sekolah rendah Islam swasta di Kota Bharu, Kelantan. Sekolah tersebut ialah SRI Aman, SRI al-Hikmah dan SRI Kiblah. Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat pelaksanaan pengajian al-Qur'an sekolah rendah Islam swasta di Kota Bharu, Kelantan dari sudut pengurusan kurikulum al-Quran dan bentuk pelaksanaan kelas pengajian serta membuktikan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan pengajian terhadap murid.

Dalam bab ini penyelidik akan mengemukakan rumusan dan kesimpulan kajian terhadap dapatan kajian yang diperoleh di dalam bab 4 yang lalu. Selain itu, penyelidik juga akan membuat rumusan atas aspek yang menjawab persoalan-persoalan kajian. Penyelidik akan memberi beberapa cadangan dan implikasi yang dapat dirumuskan daripada analisa yang telah dilakukan. Beberapa kajian lanjutan turut dicadangkan di akhir bab.

5.1 DAPATAN KAJIAN

5.1.1 Ringkasan Kajian

Dapatan kajian diperoleh setelah dianalisis menggunakan program *Statistical Package the Social Sciences (SPSS)* versi 21.0 Dapatan kajian dilaporkan adalah berdasarkan perbezaan frekuensi dan peratus. Kesimpulan adalah mengikut urutan persoalan-persoalan kajian yang mendasari kajian ini. Soal selidik terhadap guru adalah sebanyak 29 soalan. Soalan tersebut diedarkan kepada 25 orang responden guru yang mewakili jumlah keseluruhannya iaitu seramai 68 orang. Jumlah tersebut melebihi 35% daripada jumlah keseluruhan guru al-Quran. Adapun soal selidik terhadap murid terdiri daripada

38 soalan. Soalan tersebut diedarkan kepada 277 responden murid yang mewakili keseluruhannya iaitu seramai 586 orang murid daripada 3 buah sekolah rendah Islam swasta di Kota Bharu Kelantan, iaitu:-

- i. Sekolah Rendah Islam Aman, lorong Medican, Telipot, Kota Bharu.
- ii. Sekolah Rendah Islam al-Hikmah, Tanjong Mas, Jalan P. Chepa.
- iii. Sekolah Rendah Islam Kiblah, Paya Senang, Jalan Telipot .

Dengan izin Allah S.W.T borang soal selidik ini telah diisi dan dapat dikumpulkan kembali untuk dianalisa. Akhirnya, dapatan dan rumusannya adalah seperti berikut.

5.1.2 Pelaksanaan Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah Swasta

Sekolah Rendah Islam Swasta di Kelantan merupakan salah satu pusat pendidikan al-Qur'an yang menjadi sekolah pilihan dari kalangan orang sederhana hingga ke peringkat berada. Ia ditubuhkan bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang tinggal di sekitar Kota Bharu dan pada masa yang sama, mereka menginginkan anak mereka diajar dengan pengajian al-Qur'an dari tahap permulaan sekolah lagi. Justeru itu, cabaran dan tanggungjawab yang amat besar dipikul bukan sahaja murid-murid malah juga warga pendidik dan kakitangannya. Kemungkinan dengan penekanan kepada pengajian al-Qur'an, tilawah dan hafazan serta ilmu Tajwid akan menjadi salah satu daripada alternatif pilihan ibu bapa. Oleh itu, pelaksanaan pengajian al-Qur'an itu terletak kepada urus tadbir pihak organisasi sekolah tersebut. Adalah diharapkan kelas ini dapat melahirkan lebih ramai murid yang mahir dalam bidang al-Qur'an sejajar dengan hasrat falsafah pendidikan Islam.

Kepercayaan terhadap penyatuan sistem pendidikan agama dan akademik telah mendapat sokongan penuh di sisi masyarakat terutamanya sokongan yang diberikan oleh golongan ibu bapa yang mana tidak dapat memberi pendidikan sepenuhnya kepada anak-anak mereka. Alasan yang diberikan oleh golongan ini adalah seperti kekurangan

masa atau ilmu yang dimiliki terlalu cetek untuk dipertuankan kepada anak-anak mereka. Keadaan begini amat merugikan malah ia seperti satu adegan kehidupan yang amat malang bagi pihak anak dan ibu bapa itu sendiri. Kuasa mendidik, memimpin dan memberi kasih sayang telah dikurangkan, malah ibu bapa sudah '*lost Control*' terhadap anak-anak mereka. Tambah menggerunkan lagi, apabila kredibiliti ibu bapa pula membimbangkan seperti kes pembuangan bayi yang dilakukan oleh ibu yang melahirkan, kes rogol anak sendiri oleh bapa yang tidak bertanggungjawab, kes dera dan 1001 macam masalah lagi.²⁵⁰ Maka dengan penubuhan sekolah-sekolah tersebut, golongan ibu bapa, institusi sekolah, surau dan masjid-masjid menyambut baik langkah itu. Kanak-kanak yang bakal menjadi remaja dan seterusnya menjadi pemimpin negara seharusnya dibekalkan dengan asas pendidikan Islam untuk mereka hayati dalam kehidupan mereka sehari-hari. Dugaan dan cabaran yang mendatang mampu ditangkis dengan kekuatan Iman bukan dengan menuding jari kepada sesiapa. Siapa yang patut dipersalahkan? Tidak dinafikan terdapat *double standard* dalam usaha negara membanteras keruntuhan akhlak umpama tangan kanan membina tetapi tangan kiri meruntuhkan sendiri.

Berbalik kepada objektif pelaksanaan sekolah swasta, kita perlu meneliti rahsia pendidikan yang dijalankan oleh Rasulullah S.A.W untuk menyebarkan dakwah Islamiah. Pada zaman Rasul S.A.W, masyarakat *jāhiliyah* tidak kenal Allah S.W.T. Maka, bagi mengubah penyakit sosial ini Rasulullah mengenalkan Allah S.W.T untuk mereka dan menceritakan kebesaran Allah serta menanamkan rasa cinta kepada syurga dan gerun kepada neraka. Inilah rahsia kepada penyelesaian terhadap negara kita yang perlu diatasi dengan cara memperkenalkan ayat-ayat al-Qur'ān dan pengamalan ibadat-ibadat seharian kepada kanak-kanak yang masih suci dan bersih akal fikiran. Semoga dengan pelaksanaan sekolah swasta di Kota Bharu mampu mengatasi gejala sosial

²⁵⁰ Ahmad Yani Abdul Manaf (1996) *Bagaimana Menyelesaikan Masalah Sosial*, Kota Bharu Kelantan Dunial Baru, Mac1996, h.46

remaja. Hasil daripada penelitian terhadap ketiga-tiga buah sekolah ini, penulis membuat ulasan yang agak menyeluruh iaitu berkenaan dengan sejarah pelaksanaan pengajian al-Qur'ān Sekolah-Sekolah Rendah Islam di kawasan Kota Bharu. Kajian tertumpu kepada pelaksanaan, dan dari sudut tindak balas murid dan guru. Ini telah memberi penjelasan yang sebenar mengenai kedudukan pengajian al-Qur'ān dan seterusnya menyingkap segala permasalahan yang tersembunyi sepanjang tempoh pelaksanaan.

Di antara punca penubuhan Sekolah Rendah Islam Swasta ialah kurikulum pendidikan kebangsaan masih belum dapat memenuhi hasrat dan matlamat falsafah pendidikan Islam yang ingin melahirkan insan bertaqwa menerusi pendidikan bersepadu dan intelek agama yang unggul. Dalam erti kata lain, Islam adalah menyerah, damai dan bersih dari segala sesuatu.²⁵¹ Selain daripada mata pelajaran al-Qur'ān, subjek bahasa Arab turut membantu dalam pemantapan dan memahami bahasa al-Qur'ān. Subjek ini dimasukkan dalam pembelajaran sebagai langkah permulaan di peringkat sekolah rendah lagi. Pemantapan mata pelajaran agama itu adalah selari dengan pembentukan sahsiah, suluk dan keperibadian murid. Kesan daripada itu, keakraban guru al-Qur'ān dan murid dapat dipertingkatkan. Pembahagian murid adalah seramai 13-15 orang berbanding kelas biasa 25-30 orang bagi setiap kelas. Ini membolehkan guru memberi perhatian yang lebih kepada perkembangan dan kemajuan murid.

Keseluruhan kajian menunjukkan, hampir 69%²⁵² murid dapat menguasai al-Qur'ān sama ada mengenal dan membaca dengan baik. Manakala 31% murid yang masih tidak puas dengan prestasi pencapaian, masih keliru dengan sebutan huruf dan kalimah serta hukum-hukum tajwid. Namun dapatan yang amat memberangsangkan ini menunjukkan pembelajaran yang dibawa mudah diikuti oleh murid. Penekanan yang diberi adalah untuk menjadikan anak didiknya betul-betul mahir al-Qur'ān. Secara tidak

²⁵¹Hamka (1969), Tafsir al-Azhar, Juz 3, PT. Pembimbing Masa, Jakarta Cet I, hal 234

²⁵²Rujuk Jadual Soal Selidik Bahagian C no.4.41 -4.45 h. 167-170

langsung, didapati hampir kesemua murid-murid tahun lima dan enam telah mengkhataamkan al-Qur'ān. Prestasi cemerlang dan sahsiah yang ditonjolkan oleh murid-murid adalah berkat daripada iltizam dan penjagaan adab terhadap al-Quran.

Objektif penubuhan sekolah rendah Islam swasta adalah untuk kecemerlangan al-Qur'ān. Namun sejauh mana kejayaan dan menepati ciri objektif, masih tidak dapat dinilai, kerana kejayaan atau kegagalan bersifat subjektif. Apa yang didapati, perancangan kurikulum harus dibuat dengan teliti, dengan cara mengemaskini lagi kurikulum pendidikan Islam bagi mengelakkan kandungan pengajian yang tidak sesuai dengan tahap dan pangkat pencapaian murid. Ini kerana kurikulum yang tidak kemas melibatkan kesan negatif terutamanya terhadap pelajar.

5.1.3 Pelaksanaan Pengajian al-Quran Sekolah Rendah Islam Swasta

Kajian adalah berdasarkan bentuk pelaksanaan pengajian al-Quran sekolah rendah Islam swasta Kota Bharu Kelantan. Kajian ini mendapati tenaga pengajar perlu mempunyai beberapa kriteria yang penting dari latar belang pendidikan dan kemahiran komunikasi diri supaya pendekatan kaedah pengajaran lebih berkesan. Guru al-Quran yang berkesan dalam proses pendidikan al-Quran ialah guru yang mempunyai komunikasi dua hala yang berkesan, mewujudkan persekitaran kelas yang kondusif, bertimbang rasa, sabar, memberi motivasi, alat bantu mengajar yang cukup, dan buku teks yang jelas lagi berautoriti. Guru al-Quran juga perlu menggunakan mekanisme teknik dan kaedah yang sesuai untuk penglibatan semua pelajar.

Kajian ini juga membuktikan kepada penulis bahawa kaedah Talaqqi Musyafahah atau kaedah Jibril iaitu berhadapan secara langsung atau terus memperdengarkan bacaan kepada anak murid di sekolah rendah Islam swasta perlu dikekalkan dan dipertingkatkan mutu pengajian supaya proses pengajian al-Quran dapat dimanfaatkan dengan lebih *efisien*.

5.1.4 Pelaksanaan Pengajian

Kajian menunjukkan perkara utama yang dititik beratkan adalah infrastruktur dan kemudahan. Pengurusan masa juga memainkan peranan dalam meletakkan kesesuaian jadual kelas al-Quran pada sebelah pagi kerana dengan pembukaan minda dan ingatan yang masih segar dapat menjaga kualiti hafazan. Justeru itu, pihak pentadbir dan pengurus perlu menyediakan kemudahan asas yang kondusif. Manakala pihak panitia dan unit al-Qurān perlu merangka sebarang usaha ke arah penambahbaikan terhadap pelaksanaan pengajian al-Quran supaya ia dapat merealisasikan falsafah dan matlamat penumbuhan SRIS.

5.2 CADANGAN

Berdasarkan analisis data dan rumusan yang telah dijalankan. Pengkaji ingin memberi beberapa cadangan dan saranan yang boleh dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi memperbaiki mutu perguruan al-Qur'ān dalam kalangan guru dan untuk meningkatkan penguasaan dalam kalangan murid-murid.

Banyak yang perlu diperbaiki daripada pihak sekolah, iaitu diharapkan pengajian al-Qur'ān sama ada tilawah atau pun hafazan dapat diteruskan lagi dan diharapkan juga pihak sekolah dapat meningkatkan mutu kursus pementapan perguruan dan bantuan dari segi alat bantu mengajar. Guru yang juga merupakan pendidik harus berusaha untuk meningkatkan prestasi dan minat dalam pembelajaran al-Qur'ān. Guru wajib meneruskan pengajian al-Qur'ān dengan guru mursyid dan mengikuti kursus. Semoga pengajaran al-Qur'ān secara teori dan praktikal mencapai matlamat yang sebenar. Kursus peningkatan aktiviti P&P amat penting untuk guru. Namun, guru hendaklah mencari ilmu dan bukan hanya bergantung kepada program anjuran sekolah sahaja. Ini adalah bertujuan melengkapkan lagi prasarana atau kemudahan para guru dan pelajar sekolah. Bagi memperkasakan lagi kelas-kelas al-Qur'ān di semua sekolah,

pembelajaran mestilah dikendalikan oleh guru-guru yang lebih mantap dan bersanad. Selain itu, mengadakan kelas-kelas al-Qur'ān tambahan di setiap sekolah bagi membantu murid-murid yang lemah. Penulis mencadangkan kepada pihak pengurusan tadbir bagi meningkatkan prestasi pencapaian ilmu al-Qur'ān, perlulah menyediakan kemudahan dan peralatan supaya proses pengajaran lebih berkesan. Perlu ada buku latihan dan nota ringkas khas bagi pelajaran al-Quran. Bahkan bukan sekadar buku mashaf atau teks bacaan sahaja, malah turut diadakan aktiviti tambahan kepada murid supaya mereka tidak bosan, dan bagi pelajar yang tidak menguasai tajwid perlu diserapkan ke kelas Qiraati (kelas tambahan). Pihak yang berwajib perlu memantau perkembangan murid dalam pelajaran al-Qur'ān serta menyediakan kelengkapan yang secukupnya kepada para guru agar proses pelaksanaan dapat berjalan dengan lancar.

5.2.1 Pedagogi dan Teknik Pengajaran

Pengajian al-Qur'ān merupakan asas kepada penubuhan sekolah-sekolah Islam dan institusi pengajian Islam swasta untuk melihat penyerlahan yang ketara dari sekolah-sekolah lain. Sebagai mata pelajaran yang perlu diberikan penekanan, guru-guru al-Qur'ān perlu sedar bahawa murid-murid yang berada di dalam kelas bukan sahaja belajar pelajaran al-Qur'ān. Ramai guru yang memasuki kelas mempamerkan gaya dan teknik pengajaran berbeza-beza. Pelajar mengharapkan persembahan yang terbaik dari guru mereka dengan pendekatan yang menarik minat untuk terus mengikuti pelajaran dan menerima ilmu.

Oleh itu, guru al-Qur'ān perlu bersikap terbuka dan bersedia untuk menerima perubahan yang boleh memberi manfaat dan kebaikan dalam pengajaran mereka. Guru perlu menggunakan pendekatan dan teknik pengajaran yang terbaik demi menarik minat murid, menghapuskan rasa kebosanan murid terhadap pelajaran al-Qur'ān dan berdaya

saing dengan pendekatan pengajaran guru lain yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam proses pengajaran mereka.

Dalam kajian yang dijalankan, ia menunjukkan murid–murid cukup prihatin terhadap kaedah mengajar guru. Oleh itu guru-guru al-Qur’ān perlu berusaha lebih gigih, rela mengorbankan masa dan tenaga untuk melakukan yang terbaik untuk pelajar mereka. Dengan itu, guru al-Qur’ān patut mempelbagaikan kaedah pengajaran sesuai dengan objektif mata pelajaran al-Qur’ān itu sendiri.

5.2.2 Alat-alat Bantu Mengajar

Usaha-usaha perlu dilakukan oleh pihak-pihak tertentu seperti pentadbir, pengetua sekolah atau unit tilawah untuk mempelbagaikan alat bantu mengajar serta mengatasi masalah kekurangan alat bantu mengajar bagi mata pelajaran al-Qur’ān. Bagi mengelakkan murid-murid daripada rasa bosan dan mempunyai ketekunan mengikuti pelajaran al-Qur’ān, maka pengkaji mencadangkan agar guru-guru al-Qur’ān perlu berusaha memperbanyakkan penggunaan alat-alat mengajar dalam pengajaran. Mereka juga perlu mahir dalam pemilihan alat bantu mengajar. Menurut Azizul Rahman (1995)²⁵³ kecekapan memilih alat bantu mengajar dan bahan untuk pembelajaran seharusnya dimiliki oleh setiap orang guru. Guru yang berhadapan dengan murid semestinya mengetahui citarasa dan kehendak, kebolehan serta keupayaan mereka. Guru-guru juga perlu diberikan kursus-kursus khas yang berkaitan dalam pengajaran al-Qur’ān ataupun penyediaan alat-alat Bantu Mengajar terutama yang berasaskan teknologi maklumat.

²⁵³ Azizul Rahman Abdul Rahman.(1995), *Majalah Dalam Kelas*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.h.23

5.2.3 Penilaian dan Aktiviti al-Qur'ān

Penilaian dan aktiviti merupakan usaha yang terakhir selepas pembentukan objektif pengajaran, proses pengajaran dan pembelajaran. Ia meliputi soalan, latihan di dalam atau luar bilik darjah, dan ujian mingguan atau bulanan. Guru perlu membuat penilaian dari semasa ke semasa untuk mengetahui sejauh manakah keberkesanan pengajarannya serta untuk mengetahui adakah pelajaran yang diajarnya dapat diterima oleh murid. Guru al-Qur'ān hendaklah mengemukakan pelbagai bentuk soalan yang dijadikan sebagai latihan kepada murid sama ada secara lisan atau penulisan untuk memastikan murid benar-benar telah menguasai topik yang telah mereka pelajari dan guru-guru tidak seharusnya terkongkong dengan isi kandungan yang sudah disediakan di dalam buku teks. Guru-guru al-Qur'ān hendaklah mengambil inisiatif untuk menubuhkan kelab al-Qur'ān dan menggalakkan para murid menggunakan kelas tersebut sebagai wadah untuk meningkatkan penguasaan al-Qur'ān dengan melalui program tambahan mengadakan kelas intensif Tahsin dan taranum dan program-program musabaqah tilawah dan hafazan di peringkat darjah, tahap dan sekolah.

5.2.4 Guru-guru Perlu Memperbanyakkan Bacaan

Guru-guru al-Qur'ān perlu memperbanyakkan pembacaan terhadap kajian-kajian yang telah dijalankan terutamanya yang menyentuh tentang amalan pengajaran al-Quran. Sekurang-kurangnya ini dapat memberikan idea kepada guru-guru untuk memperbaiki amalan pengajaran di bilik darjah.

5.3 KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pada masa akan datang terutamanya kajian yang berkaitan dengan pengajian al-Quran. Antaranya: kajian yang dijalankan ini hendaklah menggunakan kaedah

tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Maka, kajian lanjutan dicadangkan supaya penyelidik menjalankan kajian secara kualitatif agar dapat menyelidik secara mendalam dan terperinci tentang amalan pengajian al-Qur'ān di kalangan murid dan guru.

Kajian ini hanya menumpu pelaksanaan pengajian al-Qur'ān di kalangan murid dan guru. Oleh itu, diharapkan akan ada kajian-kajian lanjutan yang menyentuh sikap pengurusan dan pentadbir sekolah dalam memainkan peranan terhadap amalan pengajian al-Qur'ān. Ccadangan kajian ini juga diperluaskan kepada kesemua pusat pengajian Islam di semua lapisan bermula dari peringkat hadanah, tadika prasekolah dan seterusnya di sekolah-sekolah serta di institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian al-Quran sebagai mata pelajaran asas. Kajian ini hanya tertumpu kepada implikasi pengajian al-Quran sahaja. Oleh itu, dicadangkan juga akan ada kajian-kajian lanjutan yang meluas kepada mata pelajaran lain.

5.4 PENUTUP

Permasalahan pengajian al-Quran adalah satu bidang yang amat luas. Penulis telah menyentuh beberapa aspek utama daripada permasalahan tersebut dan diharapkan agar ia dapat dijadikan panduan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Pengkaji juga mengharapkan agar kajian susulan yang lebih terperinci dapat dilakukan terutama sekali masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan dalam menerusi amalan pengajian al-Quran.

5.4.1 Langkah untuk Meningkatkan Mutu Pembelajaran Al-Qur'ān

Pelaksanaan sekolah rendah Islam swasta dalam membina generasi al-Qur'ān ternyata telah menjadi pusat dan institusi ilmu agama. Ia telah menjadi kepercayaan ibu bapa dan warga pendidik terhadap keberkesanan di dalam mendidik anak-anak mereka dengan

ilmu al-Qur'ān yang lengkap. Selain sijil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), paling uniknya adalah sekolah-sekolah tersebut mempunyai sijil UPSRI(S) iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah Islam (Swasta), bagi setiap sekolah tersebut. UPSRI(S) di perkenalkan kepada murid-murid pada tahun 5. Ia merupakan peperiksaan rasmi bagi sekolah-sekolah rendah Islam swasta, dan juga merupakan satu penilaian untuk mengukur tahap pencapaian murid dalam mata pelajaran agama. UPSRI dalam penilaian mata pelajaran al-Qur'ān berkonsepkan penilaian terbuka. Oleh itu, setiap murid perlu memahirkan diri dalam perkara-perkara tersebut terutamanya dalam bidang tilawah dan hafazan .

Dengan adanya UPSRI ini, diharapkan semua pihak ibu bapa, guru, dan murid-murid akan memberikan tumpuan yang bersungguh-sungguh dalam mata pelajaran al-Qur'ān. Adalah menjadi harapan bahawa pelaksanaan pembelajaran al-Qur'ān yang berkesan ini akan menjadi tapak awal ke arah melahirkan generasi *Qur'ānic* iaitu menghayati cara hidup Islam yang lengkap lagi syumul.

5.4.2 Pemilihan Guru al-Quran

Objektif dan hasrat murni dalam penumbuhan SRIS hanya dapat direalisasikan dengan adanya guru-guru al-Qur'ān yang mampu mengaplikasikan kaedah terkini dalam pengajarannya, di samping tidak lari dari tujuan asal untuk berkhidmat dan bekerja kerana Allah. Kerjasama dari panitia al-Qur'ān dengan pihak tadbir dan pengurusan dapat membantu melahirkan guru-guru al-Qur'ān yang berperanan besar untuk menjayakan sokongan yang diberikan kepada guru. Sokongan yang diberikan tidak terhad kepada material dan aspek luaran sahaja, tetapi haruslah ada sokongan batiniyah iaitu dengan cara mengangkat martabat mereka secara tidak langsung.

5.4.3 Seminar, Kursus dan latihan

Semenjak penumbuhan PERSIAP (2005) guru-guru telah didedahkan dengan strategi al-Qur'ān yang lebih lengkap. Kursus dan seminar diadakan untuk mengumpul pendapat, buah fikiran dan pengalaman guru-guru bagi meningkatkan kejayaan selagimana kelemahan dan permasalahan kelas dicari jalan penyelesaiannya secara muafakat. Hasil daripada penyelidikan yang dijalankan, didapati hanya segelintir guru-guru yang terpilih mengikuti kursus atau seminar anjuran PERSIAP. Kebanyakan guru-guru masih belum dapat pendedahan secara mendalam. Keadaan ini disebabkan peranan PERSIAP masih membekukan aktiviti ke arah membangunkan modal insan dan ke arah memajukan tenaga kerja.

Kanak-kanak yang bakal menjadi remaja dan seterusnya menjadi pemimpin negara seharusnya dibekalkan dengan asas pendidikan Islam untuk mereka hayati dan menjiwai dalam kehidupan seharian. Dugaan dan cabaran yang mendatang, mampu ditangkis dengan kekuatan iman. Tidak dinafikan '*double standard*' dalam usaha negara membanteras keruntuhan akhlak. Berbalik kepada objektif penubuhan sekolah-sekolah rendah Islam Swasta, kita perlu meneliti rahsia pendidikan yang dijalankan oleh Rasulullah S.A.W untuk menyebarkan ajaran al-Qur'ān. Inilah rahsia kepada penyelesaian masalah sosial negara kita yang perlu diatasi dengan cara memberi dan memperkenalkan ayat-ayat al-Qur'ān kepada anak-anak sejak dari peringkat asas dan pendidikan awal lagi kerana di tahap ini adalah tahap yang masih bersih seperti dalam keadaan kain yang putih serta suci hati dan akal pemikiran.

Pengajian al-Qur'ān adalah asas terpenting yang perlu dipelajari, diketahui, difahami, dibaca, dihafal dan diamalkan oleh setiap individu Muslim dan Mukmin. Dengan ini akan mengukuhkan keimanan dan ketakwaan seseorang sehingga ia menjadi amalan yang berkekalan hingga ke akhir hayat. Memandangkan pengajian al-Qur'ān merupakan asas utama dalam pembinaan ummah yang berakhlak mulia, bermaruah

serta berguna kepada bangsa dan negara, maka hasil daripada kajian menunjukkan SRIS banyak membantu dan memberi faedah kepada pengisian minda murid-murid. Malah boleh dikatakan matlamat penubuhan Sekolah Rendah Islam Swasta (SRIS) telah tercapai. Keberkesanan dapat dilihat pada perubahan cara pergaulan sesama keluarga, guru dan masyarakat khususnya. Mereka sentiasa mengamalkan kesopanan dan tidak melakukan jenayah yang membimbangkan.

Sambutan yang diberikan terhadap kewujudan sekolah-sekolah ini menunjukkan bahawa masyarakat terutamanya golongan ibu bapa memberi kepercayaan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah ini. Secara tidak langsung menyedarkan masyarakat betapa pentingnya ilmu agama di dalam setiap diri individu Muslim. Keadaan yang selesa serta kemudahan dan persekitaran yang kondusif secara tidak langsung menarik minat murid-murid untuk belajar dengan lebih khusyuk. Peralatan asas seperti meja, kerusi papan putih dan kipas memudahkan guru menyampaikan pengajaran dan memberi keselesaan kepada murid untuk membaca dan menghafal.

Pelaksanaan dan susun atur pentadbiran yang sistematik akan mendapat hasil yang memuaskan. Kerjasama daripada pihak penyelia, guru, ibu bapa dan murid-murid sendiri telah berjaya sampai ke matlamatnya, iaitu memberi teras kepada pendidikan roh al-Qur'ān agar generasi yang bakal memimpin negara adalah di kalangan mereka yang beriman, dan bertaqwa. Negara akan seiring dengan pembangunan rohani umat Islam seluruhnya. Hasrat dan tujuan penubuhan SRIS ini adalah satu langkah yang baik dan harus diberi sokongan yang menyeluruh dari setiap pihak individu Muslim. Falsafah, visi dan misi penubuhan SRIS bukan sahaja dilihat dari segi pendidikan teras dan asas sahaja! tetapi, secara lebih mendalam ia adalah bertujuan membendung gejala keruntuhan akhlak dan membentuk institusi keluarga yang bahagia. Hubungan ibu bapa dan anak-anak terjalin berasaskan ajaran al-Qur'ān dan sunnah Rasul S.A.W. Dalam

masa yang sama, melihat keberkesanan dalam jangka masa pendek iaitu terhadap pencapaian dan perubahan murid-murid, bahkan dalam jangka masa panjang untuk melihat keberkesanan dalam diri pemimpin negara pada masa akan datang. *Insyā-Allah*.

BIBLIOGRAFI

Arab :

- _____ (t.t.) Al-Qur'ān al-Karīm, *Bi Riwayah Hafṣ al-'Asim al-Kufī*, Madinah: Majma' al-Malik Fahad li Tibaah.
- Abd al-Mu'ti Muhammad Talimat (2000), *al-Ḥalaqat al-Qurāniyyah Dirāsah Minhajyyah Syāmilah*, Saudi Arabia : Dār Nūr al-Maktaba'ah ,.
- Ridwan bin Muhammad bin Sulaiman al-Makni (al-Syaekh) (1992), *Syarh al-'Allamah al-Mukhallilati, Al-Qaul al-Wajiz fī Fawasil al-Kitab al-'Aziz 'ala Nazimah al-Zuhr, lil Imam al-Syatibi*, Madinah : Wazarah al-I'lan.
- Abd al-Qadeer Audah (1985), *al-tasyri' al-Janāe al-Islāmī, Muqaranan bi Qānūn al-Wadhe', Silsilatul al-Tsaqafah al-Ammah*, cet.ke4, Beirut : Dār al-Ihyat al-Turath al-'Arabiyy.
- Ahmad Khalid Syukri., *et.al* (2007), Lujnah Tilāwah Jam'īyyah Muḥāfazah al-Qur'an al-Karīm, *Al-Munir fī Ahkamil Tajwid Matabi' Markaziyyah A'man* , cet.11, Jordan
- Al-Hafiz Abi Abdullah Muḥammad bin Yazid al-Qaruni (t.l.207-t.w.275), (1952) *Sunan Ibnu Majah*, Muhammad Fuad Abdulbaqi (*tahqiq*) Dār al-Ihyā al-Kutub.
- Al-Imam al-Ḥafiz Abi Bakr Abdullah Muhammad bin Abi Syibah al-Kufi al-'Absi (t.w.235), (1999) *al-Kitāb al-Musannif fī aḥādīth wa athāār*, Muhammad Abdulsalam Syahin, Juzu' enam (*tahqiq*), Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Anas Aḥmad Karzun (Dr.) (2004) *Ṣaḥābat al-Rasūl wa Juhūdhum fī ta'līm al-Qur'ān wa 'Ināyatihī*, Saudi, Jaddah : Dar al-Nur al-Maktabat,
- Baihaqi, al-Imam Abi Bakr Aḥmad bin al-Ḥusain al-Baihaqi (t.l.384) (t.w.458 H), (1990m) *Syu'b al-Imān*, : Abi Hajar Muhammad Saed Basyughi Zhaghulul (*tahqiq*), 2 j, Beirut : Dar al-Kutub Ilmiyah
- Bukhari, Imam Syaykh al-Ḥuffaz al-Bukhari Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizhbah (t.l.194/810-t.w.256/870)(2003), *Sahih al-Bukhari*,. Tahāā Abd al-Rauf Sa'ed (*tahqiq*), Mesir: Maktabah al-Iman al-Mansurah
- Dharimi, Imām Abū Muḥammad Abdullah bin Abd al-Rahman bin al-Fadhl bin Bahram al-Dharimi (t.w.255) (1978) *Sunan Al-Darimi*, Kaherah : Dar al-Fikr, Syari' Sulaiman al-Ḥalbi

- Ghanīm Qārūrī al-Ḥamad (1402/1982), *Rasm al-Mushaf Dirasah lughāwīyyah Tarikhiyyah*, Baghdad: al-lujnah al-wataniyah li Iḥtīfāl bi Matla' al-Qarn al-Khamis 'Asyara al-Hijr
- Hajr al-A'sqalāni, Imam al-Ḥafiz Aḥmad 'Ali bin Hajr al-A'sqalāni (w.852h.) (2000) *Fath al-Bari Syarh Saheh al-Bukhari*, cet.3, Riyadh : Darus Salam
- Ibrahim Mustafa *et.al.*,(t.t), *al-Mu'jam al-Wasit*, Lubnan: Ma'mak al-Lughah al-Arabiyah, Idarah Ammah Lilma'jamat Wa Ihyaut Turats
- Ibn al-Hajar Syihabuddin Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani(1959), *Fath al-Bari Syarh al-Bukhari*, Kaherah : Matba'ah Mustafa al-Babi al-Hajbi
- Ibn Hibban, Abi Ḥatim Muḥammad bin Ḥibban bin Aḥmad bin Hibban al-Tamim(t.w. 354) (t.t) *Saheh Ibnu Hibban*, tartib : Al-Amir A'laud Din al-Farisi (675-739), tahqiq : Aḥmad Muḥammad Syakir, Kaherah : Maktabah Ibn Taimiyyah li Tibā'ah wa al-Nasyr al-kutub al-Salafiyah
- Ibn Manzur(2003), *Lisanul Arab*, Kaherah : Dar al-Hadis.
- Ibrahim Mustafa *et.al* (1972), *Al-Mu'jam Al-Wasit*, Majma' al-Lughah al-Arabiyah, Idarah al-Ammah li al-Majma'ah wa Ihyaa Turath, Istanbul, Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah li Tibā'ah wa Nasyr wa al-Tauzi'ī
- Kathīr Ibn, Al-Ḥafiz 'Imād al-Din Abī al-Fidā' Ismā'il ibn Kathir al-Qurasyi al-Dimasyqī (1966), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Beirut : Dar al-Andalus
- Mahmud Syaltut, (t.t.), *Al-Islam Aqidah wa Syarī'ah*, cet.2, Kaherah : Darul Qalam al-Nathr
- Muhammad Abdulazim az-Zarqani, *Manahil al-Urfan fi Ulum al-Qur'ān*, Syaykh Amin Salim al-Kardi (tashih), cet.2 , Beirut: Dar Ihyaa al-Turath al-'Arabi
- Muhammad Ahmad Ma'bad (1998), *al-Mukhlis al-Mufid fi Ilm al-Tajwid*, Darassalam li al-Tibaa'h wa al-Nasyr wa al-Tauzi' wat Tarjamah
- Muḥammad al-Ṣadik Qamhārī(2003) *al-I'jaaz wl al-Bayaan fi U'lum al-Qur'ān*, Kaherah: Maktabah al-Syuruq Al-Dauliyyah
- Muḥammad Muhyiddin Abd al-Hamid Abu Daud (t.l.202h-275h) (t.t), *Sunan Abi Daud*, Kaherah: Dar al-Fikr li al-Tibā'ah.
- Muḥammad Rejab Farjani(1973), *Kaifa Nataaddab ma'al Mushaf Kitabah Qiraatah Ta'allam Ittiba'ah*, Lubnan:Daral 'Itisam .

- Muhammad Salih Samak (1983) Wan Amnah Yaacob *et al* (terj.) *Fan al-Tadris*, Ilmu Pendidikan Islam, Kuala Lumpur :KPM, DBP
- Nadawi, Abū Ḥasan ‘Ali al-Husni Al-Nadawi (2000) *al-Sirah al-Nabawiyyah*, cet.2 , Beirut: Dar al-Kutub
- Naisaburi, Imam Abi al-Husain Muslim bin al-hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi t.1.206-261 h (t.t) *Saheh Muslim*, Azhar, Mansurah : Maktabah al-Iman
- Naisaburi, Nizamuddin al-Hasan bin Muhammad bin Husain al-Qamhi al-Naisaburi (w.728 h.), Ibrahim A’tuwah I’wad (*tahqiq*)(1969) *Gharaib al-Qur’ān wa Raghāib al-Furqam*, Kaherah :Matbaah Mustafa al-Babi al-Halbi wa al-Auladi
- Nawawi, Abu Zakaria mahyuddin bin Syaraf an-Nawawi, (t.w.676) (t.t) *al-Majmuk Syarl al-Muhdhdhzb*, Kaherah : Dar al-Fikr.
- Qurṭubī, Abi ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad Ansari (t.t) ‘Amad Zaki al-Barudi dan Khairi Sai’d (ed) *Al-Jam’i li Aḥkām al-Qur’ān (Tatsir al-Qurtubi)* Mesir:Maktabah at-Taufiqiyah
- Saffi al-Rahman al-Mubarakfuri (1999), *al-Rahiq al-Makhtum*, Beirut: Muassasah al-Raiyan
- Saleh Ibrahim al-Balihi (1397), *al-Huda wal bayan fi al-Asma al-Qur’ān*, Riyadh: Matbu’ah Jami’ah Imam Muhammad bin Sa’ud al-Islamiyyah, Matba’ah al-Ahliyah
- Sayuti, Abū Faḍli Abdulrahman al-Ḥafiz Jalāl al-dīn Abd al-Raḥman al-Sayuti(1445), Taha Abdulrauf Said (*tahqiq*), *al-Itqan fi Ulum al-Qur’ān*, Kaherah :Maktabah at-Taufiqiyah
- Suyuti, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli dan Jalaluddin Abd al-Rahman bin Abi Bakr Al-Suyuti (1997) *Tafsir al-Jalalai Bihamisy al-Mushaf al-Syarif bi Rasmi ‘Umani* , cet. 2, Kaherah:Darul Hadith
- Syatibi, Abi Ishaq Ibrahim ibn Musa al-Gharnati al-Syatibi (t.w.790H)(1998) *al- ‘Itisam*, Abdul Razak Al-Muhda’ (*tahqiq*) cet.2, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Arābiy
- Riḍwān bin Muḥammad bin Sulaimān al-Maknī (1992), *Syarḥ al- ‘Allāmah al-Mukhallilātī, Al-Qaul al-Wajīz fī Fawāṣil al-Kitāb al- ‘Azīz ‘alā Nāẓimah al-Zuhr*, lil Imam al-Syātibī, Madinah : Wazārah al-I’lān

Melayu/ Terjemahan/Tesis/Kamus/Jurnal/Makalah/Kertas Kerja

_____ (1977) *Kajian al-Quran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Jusoh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

Sedek Bin Ariffin (2011), *Kaedah Menghafal al-Quran di Institusi Tahfiz al-Quran di Malaysia: Kajian Pembandingan di antara Kaedah Darul Quran JAKIM dengan Kaedah al-Huffaz*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ahmad mohd Salleh (2011) *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, Edisi2 KPLI Pengajian Islam & j-QAF, Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd

‘Abd al-Malik Karim Amrullah(t.t.) *Pelajaran Agama Islam*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press sdn.bhd.

Abd.Rahman Muhamad al-Azhari(2002) *Sejarah al-Quran dan kegemilangan, Islam*,Perniagaan Jahabersa Johor Darul Takzim, cet.pertama 2002.

Abdul Basith al-Jamal (Dr.)& Daliya Shiddiq al-Jamal (Dr.) t.t., *Ensiklopedi Ilmiah dalam al-Quran & Sunnah*, Pustaka al-Kautsar

Akademi Pengajian Islam UM (2006) *Buku Panduan Penulis Tesis/Desertasi Ijazah Tinggi* (t.p)

Atan Bin Long Ph.D.(1988), *Psikologi Pendidikan*, DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, cat.keempat, Penerbitan Abadi Sdn.Bhd. KL.

Buku Catatan(2008), Sekolah Rendah Islam Kiblah,

Daud Baharum, Asraf, A.s. Hornby dan E.c. Parnwell(1988), *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* H.Selangor DE : Fajar Bakti SDN.BHD.

Fakulti Syariah Akademi Islam UM, *Jurnal Syariah*, J.2/Bil.2/Julai 1994, Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn.Bhd

Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) 2008-2011, *Rekod Pengajaran dan Pembelajaran*.

Ghazali Darussalam(2004) *Pedagogi pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Prin-AD Sdn.Bhd.

- H. Zainuddin Hamidy *et.al* (terj.) (2003), *Saheh Bukhāri*, Singapura: Darul Fajr, Publishing House
- Haji Abdul Qader Liyung 2001, *Tajwid al-Quran Rasm Uthmani*, Kuala Lumpur Batu Caves Pustaka Salam
- Harun Yahya (2005), *Al-Quran Sebagai Panduan Hidup*, (Tajuk Asal): Taking the Al-Quran As A Guide: Mohamad Suhaimi Abdul Aziz *et.al*, (terj.), Kuala Lumpur: Hidayah Publishers
- Hasan Mahmud al-Hafiz 1995, *Muqaddam al-Quran Rasm Uthmani*, Kuala Lumpur , Jalan Masjid India Percetakan Dini
- Hasbi Ashshiddiq.,*et al.* (t.t.), *al-Quran dan Terjemahan Indonesia*. Percetakan al-Quran dan terjemahan Raja Fahd ibn Abdul Aziz Ali Sa'ud
- Idris Awang (2009), *Penyelidikan Almiyah: Amalan dalam Pengajian Islam*, Selangor:Sri Elila Resources
- Jabatan al-Quran dan al-Hadis (2005), *Al- Bayan : Jurnal al-Quran & al-Hadis*, Bil.3/Mei 2005, Shah Alam: Khairom Ilmu Ent.
- Ma'mur Daud(2003), *Tashih* : H. Abd.Syukur Ruhaimy (terj.), *Saheh Muslim*, Singapura : Darul Fajr, Publishing House
- Mahmud Yunus prof. (t.t), *Kamus Arab-Indonesia*, Yayasan Penyelenggara penterjemahan–penterjemahan al-Qur'an, Jakarta
- Mahmud Yunus(1969), *Tafsir al-Quran Jakarta*, Indonesia
- Mohd. Yusoh Ibrahim(1992), *Tafsir al-Quran : Pertumbuhan dan Perkembangan 1-150 H*, Dewan Bahasa dan Pustaka , Kuala Lumpur: Watan Sdn.Bhd KL.
- Rohi al-Ba'albaki (Dr.)(1997) *Al-Mawrid Dictionary Arabic- English, cet.10, Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin*
- Rushdi Jubuky(2005) (tesis) *Pengajian Hadith: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Islam Al-Amin, Gombak, Selangor*, Tesis Serjana Usuliddin UM
- Sobri Salamon (Dr.) (1988) *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, cet.2, Kuala Lumpur : al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia
- SRI Aman (2005/2006) *Majalah Pusat Pendidikan Aman Edisi6 (2005/2006)*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.
- SRI Aman (2007/2008) *Majalah Pusat Pendidikan Aman Edisi7 (2005/2006)*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.

SRI Kiblah (2011), *Manual Pengurusan*, Pentadbiran SRI Kiblah 2011

SRI Kiblah (2012), *Manual Pengurusan*, Pentadbiran SRI Kiblah 2012

SRI Kiblah(2010), *Manual Pengurusan*, Pentadbiran SRI Kiblah 2010

Syahrin Jasah (2011), *Panduan Berkhatam al-Quran*, Kuala Lumpur : Percetakan Zafar Sdn. Bhd

Syed Addillah Ahmad al-Jufri (2001), *Pelita al-Quran (juz Amma)*, Singapura : Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, ,

Teuku Iskandar (Dr.)(1984). *Kamus Dewan*,.Kuala Lumpur: DBP

Rujukan Laman Sesawang

www.sekolahrendahkiblah.com

www.sekolahrendahislamaman.com

www.sekolahrendahislamal-hikmah.com

www.persiap.com

<http://schoolmalaysia.com>

www.permata.com

www.jpskelanta.com

www.ppd.kelatan.com

www.ppm.gop.my

<http://sarjana.tripod.com/teknorat3.html>

<http://www.jais.gov.my/borang/2013/FAQ.pdf>